



128kg sampah dikutip di Pantai Batu Laut

KIRA-KIRA 130 peserta terdiri daripada kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kuala Langat, agensi kerajaan, guru dan murid sekolah, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sukarelawan serta penduduk

setempat bergotong-royong membersihkan Pantai Batu Laut diketuai Pengerusi Pertubuhan Generasi Peduli Sampah Malaysia (GPS), Datin Norelan Ismail.

Menurut pengarah program, Ahmad Nor Hasan Mohamad,

pengajurannya bertujuan memberi kesedaran mengenai kepentingan menjaga pantai, mengindahkan alam sekitar dan memulihara alam semula jadi.

Sebanyak 128 kilogram (kg) sampah dikutip di sepanjang

pantai.

Program dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan Selangor yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjung Sepat, Borhan Aman Shah.

■ PARA peserta program membersihkan Pantai Batu Laut, Kuala Langat, Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS